



**MUHYIDDIN** Yassin dan Lee Hsien Loong bersama para pemimpin Malaysia, Singapura bertemu di tengah Tambak Johor selama kira-kira 15 minit semalam, sebagai simbolik pelancaran projek pembinaan Sistem Transit Rapid. - UTUSAN/RAJA JAAFAR RAJA ALI

# Kos RTS dianggarkan RM10 bilion

UM - 31/7/2020 ml: 3

**JOHOR BAHRU:** Kos keseluruhan pembinaan projek Sistem Transit Rapid (RTS) yang menghubungkan Malaysia dan Singapura di sini dianggarkan bernilai RM10 bilion.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Wee Ka Siong berkata, berdasarkan perjanjian Singapura-Malaysia, nisbah (kos) ialah 61:39, lebih kurang jumlahnya RM10 bilion.

Katanya, Singapura akan membiayai 60 hingga 61 per-

tus manakala Malaysia pula 39 peratus dengan kos RM3.716 bilion.

“Kos RM10 bilion itu untuk jarak sepanjang empat kilometer. Jarak Malaysia ialah kira-kira 2.7 km dan 1.3 km untuk Singapura,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Beliau berkata, pembinaan RTS berkenaan akan dilakukan dalam dua fasa iaitu bahagian pertama pada awal 2021 hingga hujung 2024, merangkumi fasa

pembinaan atau pembangunan struktur sivil.

Sementara itu, fasa dua akan bermula awal 2025 hingga akhir 2026, melibatkan pembinaan sistem seperti isyarat, *rolling stock*, telekomunikasi dan pengujian sistem.

Katanya, fasa pertama melibatkan kerja pembinaan awam selama empat tahun diikuti pembinaan sistem untuk dua tahun.

“Ini merupakan satu projek yang mendesak dan merupa-

kan keperluan bagi mengurangkan kesesakan di Tambak Johor.

“Mengambil kira situasi itu, kedua-dua kerajaan menyatakan komitmen untuk memastikan projek ini berjalan mengikut jadual,” katanya.

Apabila siap, RTS yang melibatkan jarak empat kilometer itu mampu menampung 10,000 penumpang bagi setiap perjalanan dengan maksimum 288,000 penumpang sehari.